

PEMBANGUNAN MINDA UMMAH BERASASKAN ASAS UTAMA PEMIKIRAN EPISTEMOLOGI ISLAM: SATU PERBINCANGAN

Oleh:
Mohd Fauzi bin Hamat

Abstract

This articles tries to elaborate the developing of Muslims mind based on Islamic epistemological thoughts especially which is concerns with the development of Malay mind in this country. The discussion will touch the important of better understanding the concept of 'certain knowledge' ('ilm al-yaqīn) in Islamic tradition and the methodology of achieving that kind of exclusive knowledge in relation to the development of muslims mind. Some suggestions are raised to solve the problems of Malay weakness in thinking nowadays.

PENDAHULUAN

Adalah amat jelas difahami di kalangan para ilmuwan bahawa antara matlamat utama pendidikan Islam adalah untuk membangun individu muslim dari segi fizikal, psikologi, intelektual dan spiritual berasaskan prinsip-prinsip ajaran Islam.¹ Isu pembangunan minda adalah isu penting yang perlu dibincangkan secara serius dalam rangka untuk membangun sesebuah masyarakat secara bersepadu. Kepentingan ini perlu disedari oleh setiap individu muslim kerana pengabaian aspek pembangunan ini tentu sekali akan meletakkan ummah sebagai ummah yang lemah, tidak berdaya maju, tidak berfikiran kritis, kreatif dan saintifik. Adalah cukup disedari dan dimaklumi bahawa manusia dikurniakan akal oleh Allah SWT sebagai salah satu entiti kerohanian terpenting yang membolehkan manusia melaksanakan tugasnya dengan sempurna

¹ Untuk keterangan lanjut, lihat Hassan Langgulung (1998), "Islamic Education and Human Resource Development in Moslem Countries" dalam *Jurnal Kesturi*, jil. 8, bil. 1, Petaling Jaya: Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), hal. 7.

sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi. Dengan akal, manusia mampu memahami wahyu sebagai *ayāt maqrū'at* dan memikirkan tanda kebesaran Allah SWT di maya pada ini sebagai *ayāt kawniyyah* yang *manzūrah*. Dengannya juga manusia dapat melakukan aktiviti mental yang lebih penting dari itu iaitu berijtihad dalam mengeluarkan hukum-hakam menyentuh segenap aspek kehidupan manusia dan menangani permasalahan semasa yang didepani oleh ummah, mengharmonikan dan mensintesiskan prinsip-prinsip ajaran wahyu yang *qat'ī* dan dasar-dasar ilmu dengan pemikiran asing, mempertahankan doktrin-doktrin akidah dan lain-lain lagi.² Walau bagaimanapun, memandangkan keupayaan akal manusia adalah terbatas dan manusia pula tidak harus diberi kebebasan sepenuhnya untuk menggunakan akalnya yang terkadang dipengaruhi oleh nawa nafsunya, ia perlu diberi panduan, tunjuk ajar dan bimbingan supaya ia dapat berfungsi dengan baik sejajar dengan tujuan asal ia dicipta oleh Allah SWT bagi memudahkan manusia menguruskan urusan agama dan keduniaannya. Artikel ini akan cuba mengemukakan pendekatan ringkas bagaimana minda ummah, khususnya Umat Melayu boleh dibangun berpandukan asas utama pemikiran epistemologi Islam yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah serta dijelaskan secara praktikal oleh para sahabat dan *al-salaf al-sālih*. Skop perbincangan kertas ini cukup '*simple*' iaitu bagaimana minda ummah diisi dan dibimbing dengan '*al-hikmah*' agar terbentuk menjadi 'minda berhikmah' berpandukan asas utama pemikiran epistemologi Islam.

BEBERAPA ASAS PENTING PEMIKIRAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Istilah 'epistemologi' adalah istilah yang dikaitkan secara langsung dengan bidang perbahasan Falsafah,³ di mana '*epsteme*' bermakna 'pengetahuan' dan '*logos*' bermakna 'ilmu', 'sains', 'kajian' atau 'teori' dan 'perbincangan' (*discourse*)⁴ dan

² Muḥammad al-Bāḥī, Dr. (1981), *al-Fikr al-Islāmī fī Taṭawwurih*, cet. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah, hal. 6.

³ Abdul Rahman Abdullah, Dr. (2001), *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hal. 2.

⁴ Lihat Hashim Musa (2001), *Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu; Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hal. 8; Muḥammad Zainiy Uthman (1998), "Laṭā'if al-Asrār Li Ahl Allāh al-Atyār Karangan Nu'r al-Din al-Ra'niri: Satu Tinjauan Epistemologi Dan Falsafah Ilmunya" dalam Hashim Awang Ar *et.al* (ed.), *Pengajian Sastera Dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hal. 408.

sebab itu, ia sering ditakrifkan sebagai “kajian tentang ilmu pengetahuan”.⁵ Bidang ini secara teknikal dirujuk kepada disiplin ilmu yang membincangkan persoalan-persoalan asas tentang ilmu,⁶ yang menyelidik asal atau sumber-sumber (*sources*), sifat (*nature*), kaedah (*method*) dan had-had (*limits*) ilmu.⁷

Para ilmuwan memahami bahawa perbincangan epistemologi melibatkan hal-hal berkaitan dengan pendefinisian ilmu, konsep ilmu yang benar, khususnya ‘*ilm al-yaqīn*’, sumber-sumber ilmu, etika ilmu dan perbincangan-perbincangan lain di sekitarnya. Isu penting yang ditekankan dalam epistemologi adalah tentang bagaimana sesuatu perkara boleh diterima sebagai sesuatu ‘ilmu yang benar’, mencecah tahap ‘*yaqīn*’, yang tidak boleh dipertikaikan lagi kebenarannya. Rumusan ini adalah berdasarkan kepada penelitian penulis terhadap kenyataan bahawa munculnya perbincangan epistemologi secara terbuka adalah hasil dari munculnya segolongan ahli Falsafah Yunani yang dikenali sebagai *Sufsaṭā’iyyūn* (*Sophist*). Golongan ini mula mempersoalkan ‘kebenaran’ atau ‘kesahihan’ pengetahuan akan sesuatu.⁸ Mereka membudayakan suatu corak dan pola berfikir yang memberi otoriti sepenuhnya kepada akal manusia untuk menilai ‘kebenaran’ dan ‘kepalsuan’ sesuatu perkara. Asas pemikiran epistemologi seperti ini menyumbang kepada wujudnya kecelaruan minda dan keadaan haru-biru dalam masyarakat Greek. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa sebahagian dari asas-asas pemikiran seperti ini turut dikembangkan dalam masyarakat Barat kini, sebagaimana yang dapat dilihat menerusi faham ‘*pragmatisme*’ yang dipopularkan oleh pemikir Barat di zaman moden kini.

Ramai tokoh ulama dan cendekiawan Islam yang telah berusaha menjelaskan asas epistemologi menurut perspektif Islam. Imām al-Ghazzālī, Ibn Khaldūn, Ibn al-Haytham dan lain-lain lagi adalah antara barisan tokoh pemikir Islam yang dimaksudkan. Kitab *al-Muqaddimah*, karangan Ibn Khaldun dan beberapa karya al-Ghazzālī seperti *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, *Mi‘yār al-‘Ilm*, *Mihāk al-Naẓar* dan kitab *al-Qistās al-Mustaqīm*.⁹ Perlu juga disebutkan bahawa kitab *al-Mustasfā min ‘Ilm al-*

⁵ Hashim Musa, *Ibid*.

⁶ Osman Bakar (1995), “Beberapa Aspek Falsafah Ilmu; Konsep, Definisi, Pengelasan Dan Penggunaan” dalam *Jurnal Kesturi*, jil. 5, bil. 2. Kuala Lumpur: Akademi Sains Islam Malaysia, hal. 16.

⁷ Muhammad Zainiy Uthman, *Latā’if al-Asrār*., hal. 408.

⁸ *Ibid*.

⁹ Untuk keterangan lanjut tentang karya-karya ini, lihat, Mohd Fauzi Hamat (1997), “Mantiq Greek Menurut Pandangan al-Imām al-Ghazzālī” dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 6, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, hal. 118-120.

Uṣūl,¹⁰ karangan al-Imām al-Ghazzālī juga banyak membicarakan tentang asas-asas penting epistemologi, dan tidak hairanlah kalau sesetengah sarjana berpendapat bahawa kekuatan yang ada pada kitab *al-Mustasfā* adalah terletak pada kejelasan pandangan al-Ghazzālī tentang epistemologi pada hari-hari terakhir kehidupannya.¹¹

Sebagaimana yang telah ditegaskan sebelum ini, isu penting yang perlu ditekankan dalam perbincangan epistemologi ialah mengenai penentuan dan penilaian terhadap sesuatu perkara sama ada ia 'benar' dan perlu diterima atau 'palsu' dan perlu ditolak. Sesuatu yang benar pula sewajibnya terdiri dari sesuatu yang dipercayai kebenarannya secara yakin, tanpa adanya sebarang keraguan tentang kemungkinan ketidakbenaran atau kepalsuannya. Dalam erti kata yang lain, yang benar itu ialah yang berasaskan '*ilm al-yaqīn*'. Manakala yang tidak benar adalah sesuatu yang bertentangan dengan ciri-ciri ilmu tersebut. Kaedah dan metodologi yang digunakan bagi maksud mencapai '*ilm al-yaqīn*' juga harus dibincangkan berasaskan pemikiran epistemologi Islam. Perbincangan tentang hal ini adalah penting kerana konsep ilmu seperti ini tidak disentuh secara terperinci dalam epistemologi Barat dan tidak begitu jelas diamalkan dalam epistemologi Melayu walaupun ia penting dalam proses pembangunan minda ummah. Sebagai umat yang telah sekian lama menerima Islam sebagai *al-dīn* dan al-Qur'an sebagai kitab yang lengkap dan menjelaskan segala-galanya (*tibyān*) kepada manusia, kita perlu berusaha mengeluarkan asas-asas pemikiran epistemologi Islam yang terkandung dalam kitab *Tanzīl* tersebut dan kita sebenarnya agak bernasib baik kerana sebahagian besarnya telah dihuraikan oleh para ilmuwan yang ikhlas. Adalah amat malang nasib kita kalau kita tidak berusaha mengambil inisiatif tersebut. Tambah malang lagi kalau kita terbelenggu dengan asas-asas epistemologi Melayu yang walaupun banyak bersendikan ajaran Islam, tapi harus diakui ia adalah sesuatu yang bukan bersinonim dengan asas-asas epistemologi Islam atau kita terpedaya dengan epistemologi Barat yang nyata boleh menimbulkan kekacauan dan kekeliruan minda kita, sebagaimana yang pernah dialami oleh umat silam dalam era *Sofist* terdahulu. Pada penulis, Profesor al-Attas telah menggambarkan sebahagian dari pemikiran epistemologi Barat menerusi ungkapan seperti berikut:

"Kebudayaan Barat itu berteraskan dasar 'falsafah' dan bukan 'agama', kerana inilah tiada terdapat dalam jiwa pengalaman mereka itu beragama"

¹⁰ Untuk keterangan lanjut tentang kedudukan kitab ini sebagai sebuah karya sintesis antara Mantik dan *Uṣūl al-Fiqh*, lihat Mohd Fauzi bin Hamat (2000), "Penghasilan Karya Sintesis Antara Mantik Dan Usul al-Fiqh: Rujukan Kepada Kitab al-Mustasfā min 'Ilm al-Usul, Karangan al-Imām al-Ghazzālī" dalam *Jurnal AFKAR*, bil. 1, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, hal. 123-138.

¹¹ Rafīq al-'Ajam, Dr. (1986), *al-Mantiq 'inda al-Ghazzālī fi Ab'ādih al-Aristawīyyah wa Khuṣūṣīyyatih al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Masyriq, hal. 173.

sesuatu ketetapan mengenai 'keyakinan'. Mereka hanya menegaskan dasar 'teori', iaitu ilmu pengetahuan atau hasil akal-nazari yang berlandaskan dugaan dan sangkaan-sangkaan dan penerokaan akal-jasmani yang 'mungkin' benar atau tidak benar'. Maka dari itu dasar 'ilmu' yang demikian dan sikap hidup yang menjadi akibatnya tiadalah akan dapat membawa kepada keyakinan".¹²

'*Ilm al-yaqīn* ialah "ilmu yang boleh mendedahkan sesuatu secara jelas, tanpa ada sebarang keraguan dan kemungkinan wujudnya kesilapan dan kesamaran (*al-wahm*).¹³ Istilah 'yakin' adalah jauh berbeza dengan 'syak', 'waham' dan 'zan'. Konsep 'yakin' ini amat ditekankan dalam pemikiran epistemologi Islam, khususnya dalam hal yang melibatkan persoalan akidah Islam. Dalam bidang syariah pula, peringkat pembuktian yang paling tinggi adalah 'yakin' yang ditakrifkan sebagai suatu ketetapan hati, tanpa ada sebarang keraguan dengan bersandarkan kepada bukti-bukti yang *qat'ī*.¹⁴ '*Ilm al-yaqīn* adalah salah satu darjat keyakinan yang bersangkutan dengan ilmu manusia,¹⁵ sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat-ayat berikut:

"*Janganlah begitu, jika kamu mengetahui dengan 'ilm yang yaqīn.*"
(al-Takāthur, 102: 5).

Penelitian terhadap ayat-ayat al-Qur'an, mendapati bahawa kitab suci tersebut amat menekankan persoalan 'yakin' dalam meletakkan piawai terhadap sesuatu perkara sama ada ia boleh diterima ataupun tidak. Antaranya dapat dilihat kepada gugusan ayat-ayat seperti berikut:

1. Firman Allah SWT (bermaksud): "*Alif, Lam Mim. Kitab al-Qur'an ini tidak syak padanya (tentang kedatangannya dari Allah SWT); ia pula menjadi*

¹² Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC), hal. 19.

¹³ Lihat, al-Ghazzālī, *al-Munqīdh min al-Ḍalāl*. Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Misriyyah, hal. 5.

¹⁴ Lihat Ashraf bin Md. Hashim (2001), "Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-Kes Jenayah: Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam" dalam *Jurnal Syariah*, jil. 9. bil. 2, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 15. Berasaskan kenyataan ini, sebarang bukti yang meragukan boleh menyebabkan sesuatu kes yang dibicarakan di mahkamah perlu digugurkan oleh seseorang hakim bicara. Konsep pembuktian seperti ini adalah berbeza dengan apa yang diistilahkan dalam bidang perundangan sivil sebagai 'bukti yang mengatasi keraguan yang munasabah'.

¹⁵ Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1999), *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 39.

petunjuk bagi orang yang bertakwa.” (al-Baqarah, 2: 1-2).

2. Firman Allah SWT (bermaksud): “Dan kalau kamu menaruh keraguan (syak) tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur’an) kepada hamba Kami (Muhammad), cubalah datangkan satu surah yang sebanding dengan al-Qur’an itu, serta panggillah orang yang kamu rasa boleh menolong kamu selain Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.” (al-Baqarah, 2: 23).
3. Firman Allah SWT (bermaksud): “al-Qur’an ini menjadi panduan-panduan yang membuka matahati manusia, dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenaranNya).”

Kepentingan pencapaian ‘ilm al-yaqīn ini dapat dilihat dari sudut kedudukan ilmu berciri tersebut sebagai sebahagian daripada ‘al-hikmah’ yang sewajarnya dimiliki oleh umat Islam. ‘Hikmah’ yang dimaksudkan ialah ‘al-hikmah’ dari aspek teoretikal, manakala ‘al-hikmah’ dari jenis kedua disebut sebagai ‘amal al-haqq’ atau ‘al-hikmah’ dari sudut praktikal. Tidak mungkin seseorang dapat mengamalkan amalan-amalan kebaikan seandainya mereka tidak memiliki ‘ilm al-yaqīn. Ini bermakna mana-mana bangsa yang ingin maju dari aspek minda, ia perlu mencapai al-hikmah, khususnya yang bersifat teoretikal kerana ia menjadi landasan dan titik tolak utama kepada lahirnya amalan-amalan mulia dalam sesuatu masyarakat berselaras dengan ‘al-hikmah’ yang bersifat teoretikal tersebut. Al-Qur’an menyebut bahawa sesiapa yang dikurniakan al-hikmah, maka ia akan dikurniakan kebaikan yang banyak, manakala al-Sunnah pula menegaskan bahawa al-hikmah adalah barang kecikiran umat Islam,¹⁶ ia seharusnya dipungut di mana sahaja ia ditemui. Di sini kita boleh lihat betapa pentingnya sesuatu bangsa memiliki al-hikmah bagi mencapai kecemerlangan hidup di dunia dan akhirat.

Antara kaedah yang disarankan oleh para ilmuwan Islam bagi mencapai al-hikmah ialah menerusi hujah-hujah akliah berasaskan penggunaan kaedah al-burhān, satu seni silogisme yang menjadi sendi utama perbahasan ilmu Mantik. Hujjah-hujjah yang dikategorikan sebagai al-burhān boleh dianggap sebagai hujjah yang boleh diterima pakai dan valid. Segala pemikiran dan fikrah yang dikonklusikan menerusi kaedah ini atau perkaedahan ilmiah yang boleh menghasilkan ilmu berciri seperti ini wajar dijadikan panduan bagi mana-mana bangsa agar mereka dapat berfikir secara waras dan tepat. Al-Burhān adalah metod yang berciri saintifik kerana ia memerlukan data-data yang berdasarkan ‘ilm al-yaqīn sebagai premisnya. Data-data tersebut adalah

¹⁶ Sabda Rasulullah s. ‘a.w: الكلمة الحكيمة ضالة المؤمن حينما وجدها أخذها

Lihat al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Isa (1987), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 5, kitab ‘al-‘ilm bab mā jā ‘ā fi faḍl al-fiqh ‘alā al-‘ibādah’, suntingan Ahmad Muhammad Syakir, Beirut: Da‘ al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 49.

terdiri dari lima sahaja iaitu aksiom,¹⁷ *al-musyāhadah al-bāṭiniyyah*,¹⁸ *al-maḥsūsāt al-zāhirah*,¹⁹ data-data eksperimental,²⁰ data-data mutawātir (Arab: *al-mutawātirāt*; Inggeris: *transmitted data*).²¹ Terdapat dua lagi jenis data iaitu data-data imaginatif (*wahmiyyah*)²² dan data-data yang popular (*al-masyhūrāt*). Kenyataan ini bermaksud bahawa mana-mana individu yang ingin mencapai '*ilm al-yaqīn*, ia harus berfikir, berhujjah dan bertindak berasaskan data-data atau maklumat yang diyakini kebenarannya. Ia sama sekali tidak boleh berfikir, berhujjah dan bertindak berasaskan maklumat yang diagak, disyak, diduga, dibayangkan kenyataannya atau dianggap benar berasaskan pandangan popular kerana semua itu tidak boleh mengkonklusikan atau membuka jalan ke arah tercapainya '*ilm al-yaqīn*.

Data-data imaginatif dan yang berasaskan "pandangan popular" tidak boleh menghasilkan '*ilm al-yaqīn*, sebagaimana yang dicapai oleh kelima-lima data tadi. Ini kerana adanya kemungkinan manusia tersilap dalam menafsirkan sesuatu perkara kerana kelemahan-kelemahan yang ada pada manusia itu sendiri. Data imaginatif

¹⁷ Ia juga boleh didefinisikan sebagai "ilmu yang terbukti dengan sendirinya (*self-evident knowledge*); sesuatu yang mesti diketahui secara *a priori*. Lihat, Louay Safi, Dr. (1998), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat*, terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur: IIIT (Malaysia) and Thinkers Library, hal. 80. Ringkasnya, data-data aksiom ialah data yang terkandung di dalamnya kebenaran yang diterima tanpa perlu dibuktikan (*self-evident truth*).

¹⁸ Ia juga boleh didefinisikan sebagai "ilmu diri atau ilmu mengenai batin dan emosi seseorang. Lihat, Louay Safi, *Ibid*. Data-data *al-musyāhadāt al-bāṭinah* ialah yang diperolehi menerusi deria batin (Arab: *al-ḥawās al-bāṭinah*; Inggeris: *internal senses*) manusia menerusi fakulti imaginatif yang dimilikinya.

¹⁹ Ia juga boleh didefinisikan sebagai "pengetahuan yang dicapai menerusi pancaindera manusia (khususnya deria mata). Data-data sensori ialah data yang diperolehi manusia menerusi deria luaran (Arab: *al-ḥawās al-zāhirah*; Inggeris: *outer sense*) yang lima miliknya. Sumber-sumber inilah yang membekalkan maklumat yang benar tentang alam sekeliling kita.

²⁰ Ia merujuk kepada data-data yang terhasil dari "urutan lazim (Arab: *ittirād al-'adāt*; Inggeris: *regular sequence*) bagi sesuatu yang berlaku secara ordinari", misalnya, "api boleh membakar [sesuatu]".

²¹ Istilah "*al-mutawātirāt*" bermaksud "semua data atau premis yang diambil dari banyak sumber lain secara bersambungan sehingga sampai kepada satu jumlah bilangan pelapor tertentu yang [ramai] menyebabkan kita tidak meragui tentang kebenaran data tersebut.

²² Ia juga boleh didefinisikan sebagai "ilmu yang berdasarkan *common-sense* semata-mata.

misalnya, jelas terdedah kepada kesilapan kerana ia hanya berasaskan kepada fungsi satu bahagian dari otak manusia dinamakan sebagai “*al-wahm*” (imajinasi) dan fungsi *al-wahm* adalah amat terhad kerana ia tidak dapat mengimajinasikan misalnya, perkara-perkara ghaib yang jauh dari jangkauan imajinasi manusia dan juga tentunya tidak dapat dicerap oleh fakulti imajinasi yang dimilikinya. Ramai manusia yang tersesat kerana cuba membayangkan kebenaran perkara-perkara yang luar dari cakupan imajinasinya sendiri.

Begitu juga dengan yang terakhir iaitu data yang berasaskan “pandangan/pendapat popular” yang dikenali sebagai “*al-masyhūrāt*”. Ini kerana bukan semua perkara yang popular atau masyhur itu adalah sesuatu yang benar. Pandangan masyhur secara mutlak tidak boleh dijadikan sebagai satu-satu penilaian dalam berfikir. Sebenarnya banyak contoh-contoh yang seumpama ini berlaku dalam masyarakat; ada kalangan yang masih mengekalkan adat resam, tradisi lapuk dan amalan khurafat yang bercanggah dengan syarak atas alasan ia dipandang baik oleh sebahagian besar masyarakat itu sendiri. Kenyataan ini membuktikan dengan jelas bahawa “pandangan yang popular’ walaupun ia boleh diterima sebagai salah satu dari asas ilmu, tapi ia tidak diletakkan sebagai suatu data yang boleh melahirkan ‘*ilm al-yaqīn*’.

Dalam berfikir dan berhujjah, kita perlu melandaskan pemikiran kita kepada data-data yang boleh melahirkan ‘*ilm al-yaqīn*’ yang berasaskan kepada periwayatan secara mutawatir, iaitu data yang berasaskan premis yang dilaporkan oleh seseorang dan diambil dari banyak sumber lain secara bersambungan sehingga sampai kepada satu jumlah bilangan pelapor tertentu yang ramai menyebabkan kita tidak meragui kebenaran data tersebut dan sebab itu, data ini adalah data yang berasaskan khabar yang benar daripada mereka yang berwibawa tidak juga dipertikaikan kesahihannya.²³ Data mutawatir amat dipentingkan sebagai sumber ilmu dalam pemikiran epistemologi Islam. Ia tidak diambil kira langsung sebagai sumber yang boleh melahirkan ‘*ilm al-yaqīn*’ dalam epistemologi Yahudi kerana mereka hanya menyenaraikan tiga sumber pengetahuan sahaja yang membekalkan ‘*ilm al-yaqīn*’; sumber deria persepsi dan pemerhatian, intuisi akal dan ilmu yang diperoleh daripada keperluan logik²⁴ atau ilmu daruri.

Perlu juga dijelaskan di sini bahawa apa yang dibahaskan tentang data atau sumber mutawatir harus diteliti dari dua aspek; pertama, sumber mutawatir yang terpenting yang patut dirujuk oleh umat Islam; kedua, perkaedahan dan metodologi

²³ Muhammad Zainiy Uthman, *Laṭā’if al-Asrār*., hal. 415.

²⁴ Rosenthal, Franz (1997), *Keagungan Ilmu*, terj. Syed Muhammad Dawilah Syed Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 237.

yang digunakan bagi memastikan sesuatu data itu boleh dilabelkan sebagai 'data-data mutawatir'. Islam telah meletakkan al-Qur'an dan Hadis Mutawatir sebagai *al-mutawātirāt* yang seharusnya dijadikan premis bagi sesuatu penghujahan. Data tersebut dianggapnya sebagai data berautoriti yang mengatasi data-data yang boleh menghasilkan '*ilm al-yaqīn*' yang lain, misalnya *al-mahsūsāt al-zāhirah* dan data-data eksperimental. Setiap muslim sepatutnya menilai sesuatu hujjah atau pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang berdasarkan kepada sejauh mana ia bersandarkan kepada asas-asas ilmu yang bersumberkan *al-mutawātirāt*. Ini bermakna bahawa data-data yang boleh diyakini betul-betul hanyalah yang bersumberkan wahyu dan data-data yang diiktiraf oleh akal manusia yang waras. Kenyataan ini tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa, kecuali mereka yang bersikap angkuh dan keras kepala.

Berhubung dengan aspek pertama, adalah jelas bahawa sumber pertama yang seharusnya menjadi asas dan landasan ilmu ialah al-Qur'an dan al-Hadith kerana kedua-duanya adalah disahkan sebagai data-data yang mutawatir dan penerimaan terhadap kedua data-data yang terkandung di dalamnya boleh menjamin manusia tidak tersesat dalam hidupnya. Manakala aspek yang kedua secara khusus menyentuh suatu disiplin ilmu yang terkenal dalam tradisi ilmu Islam, dikenali sebagai '*Ilm Mustalah al-Hadīth*' (Ilmu Peristilahan Hadith) atau lebih tepatnya yang merujuk kepada pengajian Ilmu Hadith *Dirāyah*. Para ulama Islam amat menekankan ilmu ini, khususnya setelah berlaku fitnah pembunuhan Saidina 'Uthman r.a. dan lahirnya berbagai-bagai kumpulan dan aliran fahaman dan pemikiran dalam sejarah Islam.²⁵ Kepentingannya boleh dilihat dari aspek sumbangan ilmu tersebut dalam menghalang tersebarnya maklumat-maklumat palsu, bohong dan direka-reka dalam masyarakat kerana adanya kepentingan-kepentingan tertentu. Ia amat penting bagi mencegah kecenderungan sesetengah pihak yang gemar menggembar-gemburkan pembohongan, kedustaan dan kalangan yang sengaja menjual ayat-ayat Allah dengan harga yang murah dalam sesuatu masyarakat.²⁶ Antara yang dibincangkan dalam disiplin ini adalah tentang kaedah yang dipakai dalam penerimaan sesuatu hadis yang diriwayatkan secara *mutawatir*. Jikalau sesuatu hadis atau perkhabaran yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih dari seorang dan bilangan tersebut mencapai tahap *al-tawātur*, maka hadis atau perkhabaran tersebut hendaklah diterima kerana *al-tawātur* boleh menghasilkan '*ilm al-yaqīn*'. Ulama Hadis (*al-muḥaddithūn*) menjelaskan bahawa hadis-hadis sahih yang diriwayatkan secara mutawatir adalah

²⁵ Al-Qaradāwī, Yūsuf, Dr. (1991), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyah*, cet. 2, Kaherah: Maktabah Wahbah, hal. 84.

²⁶ Al-Tahhān, Maḥmūd, Dr. (1978), *Uṣūl al-Takhrij wa Dirāsah al-Aṣānīd*, Al-Madīnah al-Munawwarah: Dār al-Kutub al-Salafiyah, hal. 158.

perkhabaran yang wajib diketahui dan diamalkan.²⁷ Dalam huraian seterusnya, penulis akan menerapkan betapa perlunya hal-hal seperti ini ditekankan dalam proses pembangunan minda ummah kini.

Berdasarkan huraian tersebut, disimpulkan bahawa Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas tentang asas utama pemikiran epistemologinya dan hal ini penting ditekankan dalam proses membangun minda ummah. Huraian yang telah diberikan oleh para ilmuwan Islam tentang data-data yang perlu diambilkira dalam penerimaan dan penolakan sesuatu hujjah perlu ditekankan dalam program-program pengajian dan latihan yang bertujuan untuk membina minda ummah. Hal ini perlu ditekankan agar hasil dari itu, minda mereka akan terisi dengan ilmu-ilmu yang benar dan meyakinkan. Dengan berfikir, bertindak dan bertingkah laku berasaskan landasan ilmu berciri seperti itu, mereka akan dapat melakukan sesuatu dengan penuh keyakinan dan hal ini amat diperlukan oleh ummah bagi menangani dan mendepani segala macam cabaran pemikiran dan intelektual yang dihadapi mereka. Susulan dari itu juga, ia akan dapat berfungsi dengan baik sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi ini. Dalam huraian seterusnya, penulis akan menyentuh beberapa aspek pemikiran masyarakat kini, khususnya kaum Melayu yang masih bergantung kepada ilmu yang bukan berciri *'ilm al-yaqīn* dalam melandaskan segala gerak kerja dan aktiviti kehidupannya.

EPISTEMOLOGI MELAYU DAN HUBUNGANNYA DENGAN EPISTEMOLOGI ISLAM

Pengamatan secara mendalam terhadap epistemologi Melayu akan mendedah beberapa fenomena kepada kita yang memperlihatkan bahawa dalam hal-hal yang tertentu umat Melayu tidak gemar melandaskan pemikiran dan tindakannya kepada asas utama epistemologi Islam yang telah dihuraikan tadi. Sebab itu, tidak hairanlah kalau diperhatikan kini mereka dilanda dengan berbagai-bagai aneka krisis pemikiran, sahsiah dan jatidiri yang sebahagiannya difaktorkan oleh kegagalan ummah memanfaatkan asas utama tersebut bagi membantu mereka, bukan sahaja membebaskan diri daripada krisis tersebut, malah mampu melonjakkan diri menjadi ummah yang maju, bertamadun dan berfikir tinggi.

Dalam huraian selanjutnya, penulis akan cuba memperlihatkan beberapa bukti yang menunjukkan bahawa dalam hal-hal yang tertentu, terdapat banyak aspek amalan dan tindakan yang diamalkan oleh masyarakat yang tidak berasaskan pemikiran epistemologi Islam. Ini telah lama berakar umbi dalam masyarakat Melayu. Huraian

²⁷ Lihat, al-Ghazzālī (1997), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, j. 1, suntingan Dr. Muhammad Sulaymān Asyqar, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, hal. 94 & 100.

penulis seterusnya berasaskan pemerhatian terhadap pemikiran Melayu pada sejarah zaman awal dan zaman moden. Dunia Melayu sebenarnya pernah mengalami zaman kegemilangannya pada zaman-zaman awal sejarahnya, khususnya sebelum kedatangan penjajah berbangsa Eropah ke Tanah Melayu. Ini dapat dilihat dari aspek keupayaan umat Melayu mendaulatkan Islam menerusi perlaksanaan hukum-hakamnya sebagaimana yang terbukti dengan kewujudan Undang-Undang Laut Melaka pada kurun ke-15 dan kejayaan Bahasa Melayu menjadi *lingua franca* pada zaman tersebut.²⁸ Kedatangan penjajah telah banyak merubah corak dan gaya berfikir orang-orang Melayu yang pada asalnya bersih dari pemikiran asing yang merosakkan. Serangan pemikiran yang dicituskan oleh para penguasa asing menerusi berbagai cara, khususnya menerusi sistem pendidikan telah mengubah pola berfikir mereka yang asli dan murni. Susulan dari itu, suatu aliran baru, dikenali sebagai '*modernisme*' yang didasari semangat sekularisme telah berkembang dalam masyarakat. Dalam proses modernisasi atau usaha memodenkan ummah, pihak penjajah cuba memisahkan mereka daripada agama atau warisan tradisi, walaupun tidak menolak agama secara total.²⁹ Termasuk dalam pengertian memisahkan pemikiran dan tindakan dari agama ialah memisahkan usaha pembinaan minda ummah berlandaskan pemikiran epistemologi Islam.

Meneliti sejarah perkembangan Umat Melayu pada zaman-zaman awal, mendedahkan bahawa umat Melayu telah terdedah dengan aneka ragam kepercayaan, fahaman dan kebudayaan asing seperti Hindu, Budha dan Islam. Terdapat kepercayaan terhadap kuasa ghaib, seperti hantu, semangat, badi dan roh bagi binatang, objek dan manusia (*animisme* dan *animatisme*) serta kepercayaan terhadap pantang larang.³⁰ Terdapat kepercayaan kepada semangat padi; suatu kepercayaan bahawa semangat padi wujud dan ia boleh lari ke tempat lain kalau tiada mendapat layanan yang

²⁸ Lihat, Wan Burhanuddin Wan Abidin, "Menerima Wafatnya Melayu Sebagai Titikmula Kebangkitannya: Satu Cadangan Perubahan Model Fikir," Kertas Kerja Untuk *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-2*, <http://www.hbp.usm.my/wburhan/sejarah/melayu/matimelayu.htm>, dipetik pada 8 Mei, 2002.

²⁹ Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur & Pulau Pinang: Dewan Bahasa Dan Pustaka & Universiti Sains Malaysia, hal. 11.

³⁰ Ismail Hamid, Dr. (1985), *Peradaban Melayu Dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, hal. 37; Wan Abdul Halim Othman (1993), 'Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu' dalam Abdul Halim Othman (ed.), *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 63, hal. 2. hal. 63; Muhammad Haji Muhd Taib (1993), *Melayu Baru*, Kuala Lumpur: ITC Book Publisher, hal. 5-6.

memuaskan atau datang semula ke tempat asalnya kalau dipanggil dan dipujuk.³¹

Aneka ragam kepercayaan karut yang berdasarkan sangkaan, agakan dan andaian seumpama ini walaupun telah dilupai oleh sebahagian besar masyarakat, tapi ia masih menjadi pegangan segelintir masyarakat Melayu. Terdapat serpihan-serpihan amalan menggunakan khidmat bomoh bagi tujuan perubatan³² atau untuk memastikan cita-cita peribadi, politik dan perniagaan dapat dicapai, yang masih diamalkan oleh sesetengah orang Melayu. Hal seperti ini adalah jelas boleh dikaitkan dengan apa yang diterangkan tadi. Golongan yang berpendidikan juga dikatakan turut terlibat dalam penggunaan khidmat bomoh di negara kita.³³ Dr. Kamal Hasan menyenaraikan kepercayaan tahyul yang dipegang oleh orang Melayu tinggalan daripada kepercayaan *animisme* sebagai sebahagian dari fenomena sosio-budaya yang ada dalam masyarakat Melayu kini.³⁴

Bentuk-bentuk pegangan kepercayaan yang dipaparkan tadi adalah sebahagian kecil dari aneka ragam kepercayaan sebilangan Melayu yang tidak melambangkan suatu bangsa yang mempunyai pemikiran kritis³⁵ dan selektif kerana menerima dengan mudah sesuatu perkara yang wujud dalam masyarakat tanpa menilainya secara matang dan kritis. Adalah jelas, lahirnya kepercayaan seperti itu hasil dari kurangnya kebergantungan orang Melayu dengan asas-asas pemikiran epistemologi Islam. Ini kerana pegangan kepercayaan seperti yang diterangkan tadi langsung tidak boleh dianggap sebagai 'ilmu' dalam erti kata yang sebenarnya. Ini kerana semua itu tidak berasaskan kepada sumber-sumber '*ilm al-yaqīn*', sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini. Antaranya ada yang berasaskan pandangan popular dan imaginasi yang tidak boleh dijadikan asas ilmu yang meyakinkan menurut pemikiran epistemologi Islam.

³¹ Amat Juhari Moain (1990), *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 9.

³² Untuk keterangan lanjut tentang soal ini lihat Haliza Mohd. Riji (2000), *Prinsip Dan Amalan Dalam Perubatan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 23-25.

³³ Ungku Aziz, *Tragedi Pemikiran Melayu*, hal. 1.

³⁴ Lihat, Mohd Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Some Critical Observations*, Kuala Lumpur: ABIM, hal. 247.

³⁵ Istilah 'Pemikiran Kritis' dirujuk kepada suatu bentuk pemikiran yang menimbang buruk baiknya sesuatu perkara dengan teliti. Ia turut menekankan tentang soal fakta (benar/salah), soal bahasa (jelas/kurang jelas), dan terutama sekali soal susunan hujah (sah/tak sah) bagi sesuatu perkara. Lihat Mohd Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 2-3.

Kedatangan Islam telah memberi suntikan semangat kepada mereka untuk bangkit buat seketika menjadi bangsa yang kuat, sebagaimana bangkitnya bangsa Arab Jahiliyah dengan kedatangan risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah s. 'a.w. Perlu juga disebutkan di sini bahawa walaupun mereka telah menerima Islam sebagai pegangan hidup, tetapi mereka masih mengekalkan sebahagian dari unsur-unsur kebudayaan asing yang telah sekian lama tersebati di dalam hati sanubari mereka. Walau apapun, unsur kekuatan utama mereka masih bersandarkan ajaran Islam yang menjadi pegangan dan anutan mereka.³⁶ Untuk memastikan kita benar-benar menjadi bangsa yang kuat dari segi mental, jatidiri dan dan aspek-aspek yang lain, kita harus mengambil panduan dari gesaan al-Qur'an supaya kita meletakkan keimanan dan mencurahkan kasih sayang yang absolut hanya kepada Allah SWT mengatasi segala makhluk dan kepentingan-kepentingan yang lain. Amalan mengekalkan tradisi nenek moyang yang bercanggah dengan nilai-nilai tauhid dan prinsip-prinsip ajaran syariat serta tidak berasaskan asas-asas fakta ilmiah yang meyakinkan ditempelak oleh Allah SWT, sebagaimana yang tersirat dalam firmanNya (bermaksud) seperti berikut:

“Katakanlah (Wahai Muhammad) Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (Jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan rasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab siksaanNya), kerana Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada orang-orang yang fasik” (al-Taubah, 9: 24).

Zaman seterusnya menyaksikan kedatangan penjajah Barat ke Tanah Melayu, di mana kedatangan mereka telah bukan sahaja mempengaruhi pemikiran Melayu, tapi juga telah membentuk minda Melayu yang baru di kalangan orang-orang Melayu. Di satu sudut, mereka masih mengekalkan sebahagian dari elemen-elemen pemikiran klasik yang diresapi oleh berbagai pengaruh, manakala di satu sudut yang lain pula, mereka menjadi 'pengguna' kepada fikrah-fikrah dan metodologi berfikir Barat yang berasaskan epistemologi mereka dan ia tentunya amat jauh berbeza dengan asas-asas pemikiran epistemologi Islam. Hasil dari itu, terbentuklah satu corak epistemologi Melayu. Istilah 'epistemologi Melayu' bermaksud "satu bidang kajian tentang kaedah mentakrif ilmu pengetahuan yang dipegang oleh masyarakat Melayu, penubuhan jenis-jenis ilmu pengetahuan, penentuan sumber-sumbernya dan juga had serta batasan

³⁶ Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hal. 134.

setiap jenisnya dengan mengkaji, meneliti dan menganalisis khazanah kesusasteraan, persuratan, pengucapan dan pengungkapan yang ada dalam masyarakat Melayu dalam pelbagai genre, yang diwarnai oleh pandangan dunia masyarakat Melayu.”³⁷ Pemikiran epistemologi inilah yang menjadi landasan terbentuknya pemikiran Melayu yang menayangkan wujudnya kesan-kesan keterpengaruhan sebilangan mereka dengan unsur-unsur dalaman dan luaran yang disebutkan tadi.

Masyarakat terkadang dengan mudah menerima teori-teori Barat menyentuh bidang-bidang seperti ekonomi, politik, sosial dan teori-teori ilmu yang tidak bertaraf *'ilm al-yaqīn*. Tidak salah kita menerima idea-idea yang positif dari Barat kerana Islam adalah agama yang bersifat *'kemudahlenturan*', apatah lagi dalam hal-hal yang berkait dengan urusan kehidupan harian, namun yang salahnya ialah kita menerima idea-idea pemikir Barat yang belum dibuktikan secara ilmiah berasaskan pemikiran epistemologi Islam. Teori-teori ilmu yang dicapai oleh ilmuwan Barat lazimnya terhasil dari kajian-kajian ilmiah menggunakan metod empirikal yang bersandarkan kepada pancaindera manusia. Kebenaran hasilnya tidak boleh diyakini seratus peratus kerana pancaindera banyak yang menipu manusia, sebagaimana yang diakui oleh ramai pengkaji.³⁸

Al-Quran menempelak kaum Jahiliah yang menolak untuk beriman kepada Allah SWT dan mengingkari hari akhirat berasaskan *'zan*', bukannya *'ilm al-yaqīn*. Kepercayaan bertaraf *'hipotesis*' yang belum terbukti kesahihan dan keabsahannya ini ditempelak oleh Allah SWT menerusi ayat (bermaksud) seperti berikut:

“Dan mereka berkata: “Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini! kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman”, pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan [ilmu] tentang hal itu; mereka hanyalah menaruh sangkaan [zan] semata-mata.” (al-Jāthiah, 45: 24).

Allah SWT juga menempelak orang-orang Kristian yang percaya bahawa Nabi Isa a.s. disalib kerana kepercayaan tersebut asasnya ialah sangkaan [zan] tanpa ilmu yang benar sedangkan Nabi Isa a.s. diangkat kepada Allah SWT sebagaimana firmanNya (bermaksud):

“Dan (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: “sesungguhnya kami telah membunuh al-Masih Isa bin Maryam, Rasulullah,” pada hal mereka tidak membunuhnya dan tidak menyalibnya, tetapi diserupakan bagi

³⁷ Lihat Hashim Musa (2001), *Falsafah, Logik, Teori Nilai Dan Etika Melayu; Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hal. 17.

³⁸ Al-Qaradāwī, Yūsuf, Dr. (1987), *al-Imān wa al-Ḥayāh*. cet. 13, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hal. 331.

Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam

mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa a.s.). Dan sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham, mengenai Nabi Isa a.s., sebenarnya mereka berada dalam syak (ragu-ragu) tentang menentukan (pembunuhannya). Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan [zan] semata-mata, dan mereka pula tidak membunuhnya dengan yakin.” (al-Nisā’, 4: 157).

Selain dari itu, Allah SWT juga menempelek orang-orang kafir yang tidak membudayakan corak budaya berfikir berlandaskan *‘ilm al-yaqīn* dan tidak mengaplikasikan metodologi berfikir yang boleh mengkonklusikan nilai-nilai kebenaran. Allah SWT menempelek amalan menggunakan khidmat ahli nujum dan ahli sihir bagi menyelesaikan sesuatu perkara. Mereka juga membuat tuduhan sembrono terhadap Rasulullah s.‘a.w. dengan melabelkannya sebagai pembawa ajaran sesat, pencipta al-Qur’an, ahli sihir, orang gila dan tuduhan-tuduhan palsu yang lain tanpa dibuktikan secara ilmiah dan hal-hal seperti ini juga ditempelak oleh Allah SWT. Dalam masyarakat kita, terdapat satu kecenderungan sesetengah kalangan yang dengan mudah melontarkan tuduhan terhadap seseorang atau mana-mana kumpulan tanpa dibuktikan secara ilmiah menerusi kaedah yang meyakinkan. Penulis tidak berniat untuk menyamakan orang Melayu dengan masyarakat Jahiliyah kerana kita masih berpegang teguh dengan sendi-sendi ajaran Islam, namun dalam hal, sama ada kita sedar atau pun tidak, kita sebenarnya telah terperangkap dengan corak pemikiran yang hampir kongruen dengan apa yang diamalkan oleh orang-orang Arab pada zaman pra-Islam dahulu.

Rasulullah s.‘a.w. juga amat menekankan pembudayaan corak berfikir secara Islam dengan meninggalkan amalan mudah berpegang kepada andaian-andaian liar, tanpa adanya asas hujjah yang meyakinkan. Saidina Khadijah r.a, isteri Rasulullah s.‘a.w. tidak cenderung untuk membuat andaian dan tafsiran-tafsiran liar atau cuba mendapat khidmat bomoh dan ahli nujum bagi mentafsirkan peristiwa kedatangan malaikat Jibril buat pertama kalinya menemui Rasulullah s.‘a.w. dalam gua Hira’; suatu peristiwa yang amat menakutkan baginda s.a.w. Beliau sebaliknya cuba menaakulkan perkara tersebut secara teliti bagi maksud memahami unsur-unsur keluarbiasaan yang melatari peristiwa. Berasaskan premis yang diketahuinya tentang sikap dan pembawaan Rasulullah s.‘a.w., hati budi dan pengiktirafan masyarakat terhadap sifat amanah dan kejujurannya, beliau menyimpulkan bahawa Rasulullah s.‘a.w. tidak akan dikecewakan Allah SWT.³⁹ Memandangkan terdapat unsur

³⁹ Untuk keterangan lanjut, Lihat al-Fayyūmī, Muḥammad Ibrahim, Dr. (1991), *Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah fī al-Masyriq*, Kaherah: Dār al-Thaqafah wa al-Nasyr wa al-Tawzī‘, hal. 40-41.

'keluarbiasa' dalam peristiwa itu yang dikaitkan dengan adanya peranan makhluk dari langit [malaikat Jibril], iaitu yang jarang diketahui kewujudannya oleh kebanyakan orang melainkan individu yang biasa menelaah kitab-kitab suci dari langit, beliau mencadangkan Rasulullah s. 'a.w. meminta pandangan dari Waraqah bin Nawfal yang amat arif tentang perkara tersebut, bukannya para ahli nujum yang hanya tahu membuat 'andaian' liar semata-mata. Saidina Khadijah r.a langsung tidak cenderung untuk mengaitkan peristiwa tersebut dengan perkara-perkara khurafat, karut-marut dan dongengan yang tidak berasaskan fakta yang meyakinkan.

Dalam peristiwa yang lain, Rasulullah s. 'a.w. sendiri pernah menegur para sahabat Baginda yang cuba mengaitkan peristiwa kematian anaknya Ibrahim dengan peristiwa berlaku gerhana matahari yang secara kebetulannya berlaku serentak dengan kematian anaknya itu.⁴⁰ Baginda bersabda:

"Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda (ayat) dari tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang tunduk kepada suatu aturan hukum sahaja [yang telah ditentukan Allah SWT] dan gerhana matahari (kusuf) dan gerhana bulan (khusuf) tidak akan berlaku semata-mata kerana kematian seseorang atau kehidupannya."

Selain dari hal-hal yang disebutkan tadi, dewasa ini menyaksikan ada kalangan kita yang tidak meraikan perkaedahan atau metodologi yang boleh menghasilkan 'ilm al-yaqīn'. Hasil dari itu, lahirlah kepercayaan-kepercayaan karut dan paradigma yang bertaraf *dhan* dan hipotesis semata-mata yang tersebar dalam masyarakat. Menyentuh tentang metodologi yang digunakan dalam penerimaan atau penolakan sesuatu perkara, didapati terdapat kalangan yang dengan sengaja tidak mempedulikan garis panduan pencapaian 'ilm al-yaqīn yang disarankan Islam, misalnya yang terdapat dalam disiplin *Mustalah al-Hadīth*, misalnya keperluan mengambil kira kredibiliti pelapor berita dari sudut amanah, adil dan sahsiah diri dan pengambilkiraan aspek kemutawiran sesuatu laporan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam bidang kewartawanan misalnya, ramai yang tidak mempedulikan soal penentuan sumber yang mutawir sebelum melaporkan sesuatu maklumat. Lantaran itu, lahirlah dalam masyarakat kita lambakan maklumat yang tidak boleh diterima sebagai maklumat yang benar berasaskan pemikiran epistemologi Islam.

Gambaran yang dipaparkan tadi memperlihatkan betapa pentingnya asas pemikiran epistemologi Islam diterapkan dalam minda Melayu bagi maksud memperkasakan budaya berfikir mereka. Elemen-elemen positif sedia ada yang dimiliki masyarakat perlu dipertahankan, manakala aspek-aspek kelemahan yang

⁴⁰ Al-Fayyūmī, *Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah* :, hal. 42.

wujudnya hasil dari terputusnya hubungan dengan asas-asas pemikiran epistemologi Islam harus diperbaiki segera agar bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang terisi mindanya dengan *al-hikmah* dan terdidik berasaskan asas-asas pemikiran epistemologi Islam. Kalau ini dapat dilakukan, impian masyarakat untuk menjadi bangsa dan negara yang maju secara bersepadu menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai. Kemajuan sebenar tidak akan dapat dicapai oleh masyarakat andaikata semua potensi dalaman ahli masyarakat dan mindanya belum terdidik dengan sempurna berbekalkan suntikan ajaran wahyu yang merupakan manifestasi ilmu Allah SWT yang Maha Luas, Maha Bijaksana, Maha Murni dan Maha Sempurna.

BEBERAPA SARANAN BAGI MEMBANGUN MINDA UMMAH

Berdasarkan perbincangan tersebut, berikut dikemukakan beberapa saranan bagi membangun minda ummah yang unggul:

1. Umat Melayu perlu didedahkan dengan asas-asas epistemologi Islam yang dihuraikan oleh tokoh-tokoh tersohor seperti al-Ghazzālī, Ibn Khaldūn, Ibn al-Haytham dan lain-lain lagi. Pendedahan ini penting bagi menyelamatkan orang Melayu dari terus-terusan menjadi 'pentaklid' dan 'pemuja setia' kepada aneka ragam kepercayaan klasik dan faham-faham Moden yang tidak mempunyai sandaran yang jelas kepada *'ilm al-yaqīn*.
2. Umat Melayu seharusnya memanfaatkan disiplin-disiplin ilmu yang boleh membantu mereka menjadi ummah yang berminda mantap dan membekalkan mereka gugusan teori atau metodologi yang boleh memandu mereka untuk berfikir dan bertindak secara betul, tepat, adil dan berhikmah. Disiplin-disiplin ilmu seperti Mantik, *Uṣūl al-Fiqh*, *'ilm al-Kalām* dan *Muṣṭalah al-Hadīth* adalah antara disiplin ilmu terpenting yang dimaksudkan. Ilmu Mantik membekalkan kaedah *al-burhān* sebagai metod saintifik untuk memperolehi *'ilm al-yaqīn*, *'ilm Uṣūl al-Fiqh* dan *'ilm Muṣṭalah al-Hadīth*, khususnya Ilmu Hadis Dirayah membekalkan kaedah-kaedah yang boleh membantu manusia memperolehi *'ilm al-yaqīn* yang sekaligus membolehkannya bertindak secara bijaksana berasaskan *'ilm al-yaqīn* tersebut. Kaedah *'al-yaqīn la yuzāl bi al-syakk'* dan kaedah penentuan hadis mutawatir yang diteorikan dalam disiplin *Uṣūl al-Fiqh* dan *'Ilm Muṣṭalah al-Hadīth* adalah antara gugusan perkaedahan yang dimaksudkan. Kaedah-kaedah ini boleh digunasaikan dalam bidang-bidang ibadat, muamalat, jenayah, sosial, kewartawanan dan sebagainya.
3. Umat Melayu hendaklah mengenalpasti lima kategori data yang boleh menghasilkan *'ilm al-yaqīn*, sebagaimana yang diterangkan tadi. Ini kerana

data-data tersebut terbukti boleh memandu ummah ke arah pencapaian ilmu-ilmu yang benar. Dalam konteks ini, umat Melayu seharusnya tidak mudah menerima segala macam kepercayaan, amalan dan fahaman hidup yang tidak berasaskan data-data meyakinkan dan disebarkan menerusi metodologi yang longgar. Lantaran itu, mereka disarankan bersikap selektif dalam menyaring segala keanekaan kepercayaan dan faham hidup yang kadangkala telah terinstitusi atau terlegitimasi dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Dari perbincangan di atas, ternyata bahawa Islam mempunyai asas-asas pemikiran epistemologi tersendiri yang jauh berbeza dengan epistemologi asing buatan manusia. Kita hendaklah mengambil kira asas-asas pemikiran tersebut dalam usaha untuk membina dan membangun minda ummah, khususnya membangun 'Melayu baru' dan aspek ini harus dipentingkan dalam perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan ummah. Pengabaian aspek ini akan merencatkan keupayaan ummah untuk mendepani berbagai cabaran dalaman dan luaran berupa faham-faham hidup yang tidak berasaskan *'ilm al-yaqīn*, khususnya faham yang lahir dari peradaban yang menolak agama sebagai sendi kehidupan.